



**PEKELILING  
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN  
BILANGAN 19/1976**

*Mengadakan Jalan Keluar-Masuk Menurut Kehendak  
Seksyen 136 Kanun Tanah Negara*

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menerangkan kehendak-kehendak seksyen-seksyen 136(1)(h) dan 136(2) Kanun Tanah Negara berhubung dengan keperluan mengadakan satu jalan keluar-masuk yang sah dan memuaskan bagi tiap-tiap bahagian pecahan selepas pecah sempadan dan pecah bahagian tanah.

2. Pecah sempadan dan pecah bahagian tanah akan mewujudkan petak-petak tanah baru yang akan dipegang di bawah hakmilik-hakmilik yang berasingan dan dengan itu adalah perlu satu jalan keluar-masuk diadakan bagi tiap-tiap petak itu ke satu 'public terminal' sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 387 Kanun Tanah Negara bermakna pantai pasang surut, sungai, stesyen keretapi atau jalan awam.

3. Adalah dianggap bahawa tiap-tiap tanah milik mempunyai satu jalan keluar-masuk menghubunginya dengan 'public terminal' dan biasanya jalan tersebut adalah daripada salah satu jenis-jenis yang berikut:

- (a) jalan keluar-masuk menggunakan tanah kerajaan atau menggunakan rizab jalan yang telah ditandakan dalam pelan di Pejabat Tanah;
- (b) jalan keluar-masuk menggunakan jalan persendirian;
- (c) jalan keluar-masuk menggunakan tanah milik yang boleh dikenakan tindakan memperolehi hak lalulintas Pemungut di bawah seksyen 387 Kanun Tanah Negara.

Sekiranya sekeping tanah mempunyai jalan keluar-masuk menggunakan 'bund' Jabatan Parit dan Taliair dan tidak mempunyai jalan keluar-masuk yang lain, 'bund' itu bolehlah dianggap sebagai jalan keluar-masuk jenis (a). Dalam hubungan ini Pihak Berkuasa Negeri adalah dianggap telah menetapkan pada masa meluluskan pemberian milik tanah ini bahawa tanah kerajaan yang terdiri dari 'bund' Jabatan parit dan Taliair dijadikan jalan keluar-masuk baginya ke satu 'public terminal'. Tuan punya dalam kes ini

telah diiktirafkan sebagai pengguna tanah kerajaan yang sah untuk tujuan jalan keluar-masuk.

4. Seksyen 136(1)(h) mensyaratkan bahawa dari tiap-tiap bahagian pecah sempadan:

(a) mesti diadakan satu jalan keluar-masuk atau satu jalan keluar masuk ke 'public terminal' yang sah dan memuaskan boleh diwujudkan; atau

(b) satu jalan keluar-masuk yang sah dan memuaskan boleh diwujudkan dalam kawasan tanah tersebut untuk disambungkan dengan satu jalan keluar-masuk yang sedia ada di luar kawasan tanah itu ataupun dengan satu jalan keluar-masuk yang lain (di luar kawasan tanah itu) yang boleh diperolehi di bawah seksyen 387 Kanun Tanah Negara.

Seksyen kecil ini mengiktirafkan bahawa bagi semua kes-kes pecah sempadan dan pecah bahagian jalan keluar-masuk adalah sangat mustahak; jalan keluar-masuk yang bertempat di dalam kawasan tanah itu hendaklah bersambung dengan satu 'public terminal' ataupun bersambung dengan satu jalan keluar-masuk lain yang akan menghubunginya dengan satu 'public terminal'. Adalah menjadi syarat seksyen kecil ini bahawa jalan keluar-masuk di luar tanah berkenaan perlulah diadakan atau dengan semestinya boleh diwujudkan di bawah Bahagian Dua Puluh Lapan, iaitu seksyen 388(1) Kanun Tanah Negara.

5. Seksyen 136(2) Kanun Tanah Negara menyatakan kehendak-kehendak undang-undang mengenai jalan keluar-masuk di dalam kawasan tanah berkenaan setelah pemohon memenuhi kehendak-kehendak seksyen 136(1)(h) mengenai keperluan mengadakan jalan keluar-masuk di luar kawasan tanah tersebut. Misalnya dalam seksyen 136(2)(a) Kanun Tanah Negara tuan punya perlu menunjukkan di atas pelan kedudukan jalan-jalan dalam kawasan tanah yang menghubungi bahagian-bahagian yang dipecahkan dan menyatakan persetujuan untuk membina jalan dengan perbelanjaan sendiri. Di bawah seksyen 136(2)(b) Kanun Tanah Negara, tuan punya adalah dikehendakki menunjukkan di atas pelan kawasan-kawasan tanah yang akan digunakan sebagai jalan keluar-masuk dari beberapa bahagian yang dipecahkan dan tuan punya tanah itu bolehlah memilih salah satu cara-cara yang berikut bagi mengadakan jalan keluar-masuk itu:

- (a) menetapkan tanah yang akan dijadikan sebagai jalan keluar-masuk; atau
- (b) mengaku akan membina satu jalan persendirian di atas tanah itu selepas memperolehi surat milik mengenainya untuk tujuan jalan keluar-masuk; atau
- (c) mendapatkan hakmilik bagi tanah untuk jalan keluar-masuk itu dan mengaku akan memberi kepada tuanpunya bahagian yang dipecahkan itu satu hak lalulintas Pemungut di atasnya.

6. Dengan yang demikian, Pemungut-Pemungut adalah dinasihatkan supaya mengambil perhatian bahawa bagi sesuatu permohonan untuk pecah sempadan dan pecah bahagian tanah, kehendak-kehendak Kanun Tanah Negara perlulah diikuti sebagaimana yang diterangkan diperenggan-perenggan 4 dan 5 di atas.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD.  
NOR  
Ketua Pengarah Tanah dan Galian  
Persekutuan.

P.T.TM 103/1

Kuala Lumpur